



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

KEMULIAAN ULAMA

Tarikh Dibaca:

**24 SYAWAL 1445H /
3 MEI 2024**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذْقُوا طَعْمَ الْإِسْلَامِ
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

KEMULIAAN ULAMA

3 MEI 2024 / 24 SYAWAL 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَمِنَ النَّاسِ وَالدَّوَابِّ وَأَلْأَنْعَامِ مُخْتَلِفٌ أَلْوَانُهُ كَذَلِكَ إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ

الْعُلَمَاءُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ غَفُورٌ (سورة فاطر) (28)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهُ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam rahmat Allah SWT. Berikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan janganlah melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti berbual-bual dan bermain telefon bimbit. Mudah-mudahan khutbah ini akan memberi banyak pengajaran kepada kita semua.

Pada hari ini saya akan membicarakan khutbah bertajuk: “**Kemuliaan Ulama**”.

Sebelum itu, saya ingin mengajak seluruh kaum muslimin dan muslimat untuk terus mendoakan keselamatan penduduk Palestin yang ditindas teruk di tanah air mereka

sendiri. Semoga mereka semua segera bebas dari cengkaman rejim zionis Israel *laknatullahi 'alaih*. Saya juga ingin menyeru kepada semua untuk mendoakan kesejahteraan dan keselamatan negara kita khususnya dan seluruh dunia umumnya dari sebarang bentuk malapetaka, kekacauan dan huru-hara serta dijauhkan dari sebarang bentuk pertelingkahan atau peperangan.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Para ulama diumpamakan seperti bintang-bintang di langit yang menjadi penanda dan penunjuk arah ketika gelapnya daratan dan lautan. Mereka memikul amanah yang sangat besar kerana kedudukan mereka yang disebut sebagai pewaris (penyambung tugas) para Nabi. Diriwayatkan daripada Abi al-Darda' RA berkata, "aku mendengar Nabi SAW bersabda:

وَإِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ، وَإِنَّ الْأَنْبِيَاءَ لَمْ يُوْرَثُوا دِينَارًا، وَلَا دِرْهَمًا وَرَثُوا الْعِلْمَ، فَمَنْ
أَخَذَهُ أَخَذَ بِحِظِّ وَافِرٍ

Maksudnya: "Sesungguhnya ulama' adalah pewaris para nabi. Sesungguhnya para nabi tidak mewariskan dinar atau dirham. Akan tetapi mereka mewariskan ilmu, maka barangsiapa yang mengambil warisan tersebut, maka dia telah mengambil bahagian yang banyak".¹

Para ulama memiliki ciri pembeza berbanding masyarakat awam iaitu keimanan yang lebih tinggi dan ketakwaan yang lebih tebal. Dalam erti kata lain, mereka tidak takut kepada sesiapa jua melainkan ketakutan itu hanya kepada Allah SWT. Allah SWT berfirman dalam Surah Faatir ayat 28 yang dibacakan pada awal khutbah tadi yang bermaksud:

"Dan demikian pula antara manusia dan binatang-binatang yang melata serta binatang-binatang ternak, ada yang berlainan jenis dan warnanya? Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hamba-Nya hanyalah orang-orang yang berilmu. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Pengampun".

¹ Hadis riwayat Abu Daud (3641). Syeikh al-Arna'out menghukum hadis ini sebagai hasan dengan syawahidnya

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Institusi ulama memiliki peranan yang sangat penting kepada umat Islam khususnya. Keberadaan mereka di tengah-tengah masyarakat merupakan antara nikmat terbesar yang dikurniakan oleh Allah SWT. Para ulama telah menghabiskan seluruh tenaga, masa, wang ringgit untuk menggali khazanah-khazanah ilmu demi kelestarian dan kemuliaan warisan Islam. Mereka melakukan kebajikan tersebut semata-mata kerana mengharapkan keredhaan Allah SWT. Perjuangan mereka tidak terbatas kepada usaha *amar makruf* dan *nahi munkar* semata-mata bahkan para ulama menjadi tonggak dalam menggerakkan keperluan masyarakat yang pelbagai.

Ulama mencapai tahap ini kerana usaha mereka yang gigih dan tidak kenal erti lelah. Tidak ada yang tidak menempuh jalan susah untuk dikategorikan sebagai ulama. Semuanya melalui proses menuntut ilmu. Abdullah bin Mas'ud *radhiyallahu 'anhu* berkata:

إِنَّ أَحَدًا لَا يُولَدُ عَالِمًا وَالْعِلْمُ بِالتَّعَلُّمِ

“Sesungguhnya tidak ada seorang pun yang dilahirkan sebagai ulama, dan sesungguhnya ilmu diperoleh dengan belajar”.

Sejak dulu lagi, ulama telah memainkan peranannya yang signifikan dalam pelbagai sejarah penting, termasuklah dalam perubahan sosial masyarakat. Para ulama telah mencetuskan kesedaran dalam masyarakat untuk melakukan perubahan terutamanya dalam menjalankan kehidupan beragama menurut Syariat Islam yang dinikmati hingga ke hari ini. Sebagai contoh, ketika zaman penjajahan kuasa barat di Tanah Melayu, ulama merupakan antara pencetus semangat pembebasan negara dari cengkaman penjajah. Beberapa cara dilakukan oleh ulama demi memberi kesedaran kepada rakyat di negara ini antaranya melalui pendidikan yang memakan masa panjang namun membuahkan kesan yang cukup besar. Ulama turut meniupkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat supaya dengannya dapat membentuk sebuah kekuatan yang menjadi benteng pertahanan negara yang paling ampuh.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Ulama juga berperanan memelihara warisan, yakni wahyu dan risalah (al-Quran dan al-Sunnah). Mereka juga bertanggungjawab menjaga ajaran Islam daripada sebarang

bentuk penyimpangan dan penyelewengan lebih-lebih lagi, dalam zaman yang cukup mencabar pada hari ini. Kemasukan pelbagai bentuk ideologi, fahaman, dan ajaran yang menyeleweng menjadi cabaran besar kepada umat Islam untuk mendepaninya. Maka di sini, peranan ulama cukup ditagih dalam memberi penerangan dan penjelasan terhadap apa-apa jua isu dan dakyah sesat yang timbul hasil dari kecelaruan pemikiran umat pada hari ini.

Tugas paling penting ulama juga ialah untuk mengubah sebarang bentuk kerosakan yang berlaku dalam masyarakat dari peringkat pemimpin sehinggalah kepada akar umbi rakyat jelata seluruhnya. Pasti tugas ulama ini bukan mudah bahkan ia sangat memerlukan kepada komitmen para pemerintah (*umara*) dan masyarakat seluruhnya bagi memastikan keberkesanan peranannya. Begitulah peranan ulama yang dapat kita lihat berlaku pada zaman kegemilangan Islam yang melahirkan ulama sekaligus *umara* terulung seperti Saidina Abu Bakar al-Siddiq, Saidina Umar al-Khattab, Saidina Uthman bin Affan dan Saidina Ali bin Abi Talib serta beberapa tokoh lain *radhiallahu anhum ajma'in*.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Ulama menanggung *taklifan* yang sangat berat terutamanya yang melibatkan kesan yang sangat besar dan berpanjangan. Mereka perlu menguasai beberapa disiplin ilmu seperti al-Quran dan hadis, Bahasa Arab, Usul Fiqh, Usul al-Din, Fiqh dan sebagainya serta perlu menyelami sesuatu punca permasalahan sehingga ke akar umbi sebelum menetapkan sesuatu keputusan secara adil dan saksama. Mereka tidak hanya berperanan dalam menguasai khazanah ilmu Islam tetapi juga bertanggungjawab menyeru dan menerapkan dalam masyarakat tentang pengamalan dan pemeliharaan ajaran Islam secara *istiqamah*.

Maka, seharusnya kita menghargai jasa dan peranan yang telah dimainkan oleh ulama. Paling penting kita hendaklah sentiasa beradab dengan ulama walaupun kita berbeza pandangan dengan mereka. Jauhkan dari sikap mengeji dan mencaci maki para ulama lebih-lebih lagi dalam keterbukaan dunia pada hari ini dengan bermacam bentuk media sosial yang ada kerana hakikatnya diri kita terlalu jauh jika hendak dibandingkan dengan mereka.

Ingatlah pesanan Rasulullah SAW yang bersabda:

لَيْسَ مِنَّا مَنْ لَمْ يَرْحَمْ صَغِيرَنَا وَيُوقِرْ كَبِيرَنَا وَيَأْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيَعْرِفَ
لِعَالِمِنَا حَقَّهُ

Maksudnya: “Bukan termasuk golongan kami orang yang tidak menyayangi yang kecil dari kami dan tidak menghormati yang tua dari kami, tidak menyuruh yang ma’ruf dan tidak mencegah dari perbuatan munkar, serta tidak mengenal hak orang yang alim (ulama) dari kami”.²

Maka, dalam usaha menghargai dan memuliakan kedudukan para ulama yang mulia sebagai pewaris nabi, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan *Muslim World League* akan menganjurkan **Majlis Ulama Asia 2024** yang akan diadakan pada 8 Mei 2024 bertempat di Kuala Lumpur. Marilah kita mengambil seberapa banyak mutiara hikmah yang akan dibawa oleh ulama yang mulia ini. Semoga dengan keberadaan mereka di negara kita akan menjemput rahmat dan keberkatan Allah SWT ke atas bumi Malaysia seluruhnya. *Insyaa-Allah*.

Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, saya ingin membuat beberapa rumusan;

Pertama: Ulama memiliki peranan yang sangat besar dan menjadi penunjuk jalan kebenaran.

Kedua: Ulama berperanan mencetuskan kesedaran dalam kalangan masyarakat dalam menata kehidupan beragama menurut syariat Islam.

Ketiga: Ulama turut berperanan memelihara kesucian Islam dari sebarang bentuk penyimpangan terutamanya dalam zaman sekarang yang semakin banyak fitnah.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 269:

يُؤْتِي الْحِكْمَةَ مَنْ يَشَاءُ ۚ وَمَنْ يُؤْتَ الْحِكْمَةَ فَقَدْ أُوتِيَ خَيْرًا كَثِيرًا ۗ وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ

(269)

² Hadis riwayat Imam Ahmad dan al-Tirmidzi

Maksudnya: “Allah memberikan hikmah kebijaksanaan (ilmu yang berguna) kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut aturan yang ditentukan-Nya). Dan sesiapa yang diberikan hikmah itu maka sesungguhnya dia telah diberikan kebaikan yang banyak. Dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran (dan peringatan) melainkan orang-orang yang menggunakan akal fikirannya”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى
النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي
التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغِ مَهَا
مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغِ د-فَرْتَوَانِ ائْخُوغِ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغِ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا رَاغِ فَرْمَالَيْسُورِي ائْخُوغِ، رَاغِ
زَارِيثُ صُوفِيَاهُ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقَضَاتَهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رِخَاءً، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِينَ، الَّذِينَ قَتَلُوا إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ فِي فَلَسْطِينَ، اللَّهُمَّ عَلَيْكَ
بِهِمْ، فَإِنَّهُمْ لَا يُعْجِزُونَكَ، اللَّهُمَّ شَتِّتْ شَمْلَهُمْ وَفَرِّقْ جَمْعَهُمْ وَاجْعَلِ الدَّائِرَةَ عَلَيْهِمْ،
اللَّهُمَّ أَحْصِهِمْ عِدْدًا، وَاقْتُلْهُمْ بَدَدًا، وَلَا تُغَادِرْ مِنْهُمْ أَحَدًا، اللَّهُمَّ أَنْزِلْ عَلَيْهِمْ وَعَلَى مَنْ
عَاوَنَهُمْ، بِأَسْكَ الَّذِي لَا يَرُدُّ عَنِ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَنْصِرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ.

اللَّهُمَّ أَنْصِرِ الْمُسْلِمِينَ الْمُسْتَضْعَفِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ. اللَّهُمَّ أَرْحَمِ الْمُسْتَضْعَفِينَ مِنْ عِبَادِكَ.
اللَّهُمَّ اكْشِفِ الْغَمَةَ عَنِ أُمَّتِنَا. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ أَنْ تَرْفَعَ الْبَلَاءَ عَنِ غُرَّةِ وَأَهْلِهَا، وَأَنْ
تَنْصِرَهُمْ عَلَى عَدُوِّهِمْ، وَأَنْ تَرْحَمَ الْمُسْتَضْعَفِينَ مِنْ عِبَادِكَ، وَأَنْ تَكْشِفَ الْغَمَةَ عَنِ
أُمَّتِنَا. اللَّهُمَّ عَافِنَا وَالطُّفَّ بِنَا وَاحْفَظْنَا وَأَنْصِرْنَا وَفَرِّجْ عَنَّا وَالْمُسْلِمِينَ. اللَّهُمَّ اكْفِنَا
وَإِيَاهُمْ جَمِيعًا شَرَّ مَصَائِبِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْحَنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
الرَّاحِمِينَ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَأَسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.